

07/05/2002

Sentimen benci Islam makin meningkat: PM (HL)

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sentimen kebencian terhadap umat Islam berikutan serangan 11 September lalu, kini sebenarnya bertambah buruk.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan menyatakan pandangannya mengenai perkara berkenaan pada pertemuan dengan Presiden George W Bush, sempena lawatannya ke Amerika Syarikat minggu depan.

Dr Mahathir berkata, keadaan sebenarnya bertambah buruk sejak beliau dan Bush bertemu di Shanghai, China pada November lalu.

"Perasaan takut dan benci semakin meningkat, bukannya berkurangan. Inilah perkara yang saya fikir kita semua patut beri perhatian," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap tama pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di Hotel Mandarin Oriental di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai perkara utama yang akan dibincangkan dalam pertemuan dengan Bush di White House 12 Mei ini.

Terdahulu ketika sesi dialog pada mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata tanggapan buruk terhadap Islam terjadi kerana gembur gembur media yang memberi gelaran 'pengganas Islam' kepada pengganas beragama Islam tetapi tidak kepada pengganas beragama lain.

"Media selalu menyebut pengganas Islam tetapi tidak ada pula yang menyebut mengenai pengganas Buddha, pengganas Hindu, pengganas Kristian, pengganas Katolik atau pengganas Protestan.

"Inilah gembur gembur yang menyebabkan tanggapan buruk terhadap Islam. Di dunia ini ada kira-kira 1.8 bilion umat Islam tetapi mereka yang terbabit dengan keganasan tersangat kecil," katanya.

Ditanya seorang peserta bagaimana beliau sebagai pemimpin Islam yang sederhana dan terkenal dapat membantu memperbetulkan tanggapan buruk ini, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Saya bukan sederhana, saya pemimpin fundamentalis."

Perdana Menteri berkata, fundamental atau asas Islam yang sebenar ialah ajaran supaya umatnya mencintai keamanan dan hidup berbaik-baik.

Katanya, masalahnya ada orang Islam bertelagah sesama sendiri dan menggunakan nama Islam sebagai alasan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam.

"Jika kita mengikuti ajaran sebenar Islam, kita akan hidup aman dan harmoni," katanya sambil menambah inilah yang cuba dilakukan Malaysia.

Dr Mahathir berkata, langkah mengadakan perjanjian bagi membanteras keganasan antarabangsa tidak memberi kesan besar, sebaliknya yang lebih penting ialah mewujudkan persefahaman mengenai cara terbaik untuk menangani masalah itu.

Dr Mahathir juga berkata, tempoh pemimpin negara sama ada Presiden atau Perdana Menteri tidak harus dihadkan kerana ini menjadikan mereka kurang berkesan untuk menguruskan negara.

"Jika khidmat presiden dihadkan untuk tempoh dua tahun, dia akan menggunakan tahun pertama untuk menyesuaikan diri, tahun kedua memahami masalah dan menjelang tahun ketiga, dia tiada lagi.

"Begitu juga, jika seseorang presiden hanya dibenarkan berkhidmat untuk dua penggal, menjelang penggal kedua, dia akan dianggap sebagai presiden yang sudah tiada kuasa," katanya.

Ketika diminta menjelaskan laporan beliau tidak akan menjadi Perdana Menteri seumur hidup, Dr Mahathir berkata:

"Sebab itulah beliau memerlukan 21 tahun... Kalau nak ikutkan, jika saya meninggal dunia sekarang, saya akan digolongkan sebagai Perdana Menteri seumur hidup," katanya disambut tepukan dan ketawa hadirin.

(END)